

09 MAY 1996  
ADUN-Jumpa  
LAPAN LAGI WAKIL RAKYAT KEDAH TEMUI PM

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Lapan lagi Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah termasuk Speaker Datuk Zainol Md Isa menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menjadikan sejumlah 19 wakil rakyat daripada Umno negeri itu berbuat demikian.

Seperti rakan-rakan mereka sebelum ini, kumpulan hari ini juga menyatakan sokongan kepada sesiapa sahaja yang akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Mereka menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk memilih dan melantik Menteri Besar yang baru.

Empat daripada ADUN itu mengadakan pertemuan secara berasingan pada sebelah pagi. Mereka ialah Zainol (Kupang), Timbalan Speaker Ghazali Ibrahim (Pedu), Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu Hajah Barishah Saad (Tunjang) dan Hajah Fatimah Ismail (Sungai Tiang).

Empat lagi yang menemui Perdana Menteri pada sebelah petang ialah Shaik Alias Mustafa (Langgar), Abdul Rahman Ariffin (Ayer Hitam), Mohd Jamil Idross (Pengkalan Kundur) dan Mohd Hadzir Ismail (Kuala Ketil).

Dr Mahathir mengumumkan Isnin lepas bahawa Tan Sri Osman Aroff telah menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah.

Zainol yang ditemui selepas pertemuan itu berkata, perlantikan Menteri Besar adalah hak mutlak Perdana Menteri dan beliau menyerahkan sepenuhnya keputusan berhubung perkara itu kepada Dr Mahathir.

Barishah berkata terserahlah kepada budibicara Perdana Menteri untuk melantik sesiapa sahaja sebagai Menteri Besar yang baru bagi menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Semalam empat Anggota Dewan Undangan Negeri dari Kedah menemui Dr Mahathir dan menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri manakala pada Selasa, tujuh ADUN serta 11 anggota Parlimen dari negeri itu berbuat demikian.

Beberapa orang lagi ADUN Umno Kedah dijangka turut menemui Perdana Menteri esok.

Umno Kedah mempunyai 26 wakil dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. --  
BERNAMA

HS SN OBA.